

# Bukti rakyat tidak mahu ekonomi terjejas: PM

# Perhimpunan gagal

BH 16 APR 2000

Oleh ZAINUDIN ISA dan JAMI'AH SUKRI

**SUBANG:** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kegagalan perhimpunan haram di ibu negara semalam, bukti rakyat menolak rusuhan dan demonstrasi sehingga menjejaskan imej dan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, rakyat semakin sedar, untuk memperjuangkan sesuatu, parti pembangkang tidak harus dilakukan dengan menghuru-harakan keadaan dan keamanan negara.

Sambil melahirkan rasa syukur kerana perhimpunan haram besar-besaran yang dirancang itu dapat dikawal pihak berkuasa, Dr Mahathir berkata kerajaan bertanggungjawab mempertahankan hak dan kehendak majoriti rakyat yang tidak inginkan rusuhan.

"Apa gunanya kerajaan, jika kerajaan tidak dapat menjunjung majoriti hak rakyat di negara yang tidak ingin kepada kejadian seperti dirancang parti Keadilan," katanya dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Ab-

dul Aziz Shah, di sini, malam sekembalinya dari Havana, Cuba selepas menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan Negara Membangun (G77).

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai perhimpunan haram yang dirancang penyokong reformasi di ibu negara bagi memperingati genap setahun bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan kerana kesalahan salahguna kuasa.

Perdana Menteri berkata, jika demonstrasi diadakan, ia bukan saja

menjejaskan industri pelancongan dan perhotelan, malah menyekat kedatangan pelabur asing.

"Apabila demonstrasi diadakan, yang menjadi mangsa ialah peniaga terutama peniaga kecil yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

"Imej tidak baik ini menyebabkan pelancong tidak datang, hotel rugi kerana tidak ada hasil serta pelabur tidak datang.

"Secara langsung, demonstrasi itu tidak dapat apa-apa hasil tapi mem-

burukkan keadaan negara," katanya.

Ditanya kemungkinan kegagalan itu disebabkan penahanan tiga pemimpin Keadilan yang dipercayai menjadi perancang, Dr Mahathir berkata kerajaan terpaksa mengambil tindakan pencegahan seperti itu demi kepentingan rakyat.

Beliau mempertahankan tindakan polis itu kerana ia dilakukan untuk mengekalkan imej negara dan menunjukkan sikap bertanggungjawab kerajaan.

LIHAT MUKA 2

## Rakyat tidak sokong demonstrasi

DARI MUKA 1

BH 16 APR 2000

Justeru, beliau berharap rakyat tidak menyokong demonstrasi kerana sebarang rasa tidak puas hati parti pembangkang boleh disalurkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Kita baru adakan pilihan raya dan parti berkenaan dapat kerusi Parlimen dan DUN. Di situ, mereka boleh menyuarakan pendapat.

"Inilah cara terbaik bagi negara kita. Tiada siapa akan rugi dan mereka akan dapat memperdengarkan pendapat mereka," katanya.

Sementara itu, dalam sidang akhbar selepas melancarkan Tabung Kajian dan Pendidikan Yayasan Pelajar Islam Malaysia (YPIM) serta Buletin YPIM, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata perhimpunan haram yang dirancang di se-

kitar ibu negara semalam tidak berkesan, bukan semata-mata disebabkan dakwaan taktik menakutkan oleh polis.

Sebaliknya, Menteri Dalam Negeri itu berkata, banyak perkara menyebabkan perhimpunan bertujuan mencetuskan keadaan huru-hara itu tidak mendapat sambutan orang ramai.

Menurutnya, selain cuti panjang, rakyat semakin bijak membuat pilihan dan pertimbangan.

"Walau apa pun keputusan mereka (orang ramai), itu terserah kepada mereka. Kita tidak tahu ada orang tidak mahu pergi kerana takut. Ada orang tidak pergi kerana cuti panjang. Bukan senang nak dapat cuti hari Sabtu..

"Mungkin ada sebab lam. Mungkin juga ada yang takut sebab polis beri amaran, tentunya banyak sebab. Tapi, saya tidak percaya kerana hanya ada satu sebab tidak ramai yang tampil ber-

kumpul," katanya.

Sambil mengesahkan keadaan di sekitar Kuala Lumpur reda, Abdullah berkata, setakat ini beliau tidak dimaklumkan mengenai peserta perhimpunan yang ditahan.

"Alhamdulillah, pada waktu ini nampaknya situasinya reda dan tentu sekali ramai rakyat penduduk di Kuala Lumpur tidak mahu menyertainya atas pilihan mereka. Mereka tidak menyertai, maka tidak ramai orang terbabit," katanya.

Ditanya sama ada taktik awal polis menahan beberapa pemimpin parti pembangkang kelmarin menyebabkan perhimpunan tidak mendapat sambutan, Abdullah berkata:

"Kalau sebelum atau selepas apa yang mereka lakukan, mesti ada asas undang-undang. Seseorang tidak boleh ditahan sewenang-wenang," katanya.